

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan aktiviti-aktiviti pembinaan bagi mengelakkan kemalangan seperti insiden kepingan konkrit jatuh semasa pembinaan SUKE di atas MRR2 pada 19 September 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan siasatan kes kemalangan tersebut. Susulan itu, JKKP telah mengambil tindakan, antaranya seperti berikut:

- a) Mengeluarkan **Notis Larangan kepada majikan bagi menghentikan kerja-kerja pemasangan tembok parapet** bagi projek pembinaan Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKÉ) dan lain-lain tapak projek yang menjalankan aktiviti serupa.
- b) Mengarahkan pihak majikan mengemukakan reka bentuk penyokong sementara parapet yang diperakui oleh Jurutera Profesional,

SOALAN NO : 18

pernyataan kaedah dan Prosedur Kerja Selamat (SOP) bagi aktiviti pemasangan parapet.

2. Sebagai langkah penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dan seterusnya mengurangkan insiden seperti ini, JKPP telah dan sedang melaksanakan tindakan jangka masa panjang seperti berikut:

- a) **Menggubal dan menambahbaik perundangan** berkaitan sektor pembinaan termasuk cadangan pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, supaya kekal relevan dan sesuai dengan kehendak semasa;
- b) **Menggalakan pemakaian Garis Panduan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (OSHCIM) 2017**. Garis panduan ini menitikberatkan **tanggungjawab semua pihak iaitu pemunya, perekabentuk dan pembina atau kontraktor di awal peringkat pembinaan sehinggalah ke peringkat perobohan**, untuk mengenalpasti dan mengawal risiko KKP bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini. Garis Panduan ini juga sedang diusahakan untuk dinaik taraf menjadi peraturan yang wajib dipatuhi oleh semua pemain industri pembinaan.
- c) **Membangun dan melaksanakan Pelan Induk KKP Negara 2021 – 2025** (OSHMP 2025), yang merupakan kesinambungan pelan induk sebelum ini, OSHMP 2020, antara lain bertujuan meningkatkan penglibatan semua pihak untuk mengurangkan kadar kemalangan pekerjaan termasuk di sektor pembinaan.
- d) Mengadakan **operasi penguatkuasaan secara berkala** di tapak pembinaan seluruh negara, serta **memberi penumpuan penguatkuasaan** di sektor pembinaan untuk memastikan keselamatan pekerja dan orang awam. Bagi tempoh Januari hingga November 2020, sebanyak **12,955** pemeriksaan tapak pembinaan telah dijalankan oleh JKPP;

- e) Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2020, JKPP telah **mengambil pelbagai tindakan punitif** ke atas ketidakpatuhan perundangan KKP di sektor pembinaan, iaitu:
- i. **3,520** surat arahan telah dikeluarkan;
 - ii. **1,156** notis perbaikan dan **1,986** notis larangan telah diberikan;
 - iii. **303** kompaun berjumlah **RM528,500** telah dikenakan; dan
 - iv. 63 kes pendakwaan telah selesai, dengan penalti berjumlah **RM939,500**.
- f) **Meningkatkan pemantauan tapak pembinaan oleh Safety Patrol Unit JKPP** pada waktu siang dan malam;
- g) **Menjalin kerjasama** dengan agensi berkaitan industri pembinaan seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM); pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL); pemunya projek seperti PROLINTAS; serta badan profesional seperti Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); untuk **meningkatkan tahap KKP** di industri pembinaan.
- h) Ringkasnya, sekiranya majikan, pekerja dan **semua pihak berkepentingan melaksanakan peranan mereka secara efektif**, ianya akan membentuk dan memperkukuh lapisan-lapisan perlindungan yang mampu mengelakkan kegagalan sistem KKP dan sekaligus mencegah kemalangan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.